



جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PASCA PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(80)
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 15 TAHUN 2021

WANG DEPOSIT RAYUAN DAN SERAH SIMPAN JAMINAN BAGI KES RAYUAN *MAL* DI MAHKAMAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Wang Deposit Rayuan dan Serah Simpan Jaminan bagi Kes Rayuan *Mal* di Mahkamah Syariah adalah sepertimana di lampiran.

2. Pengambilan wang deposit rayuan dan serah simpan jaminan kes rayuan *mal* diuruskan sebagaimana peruntukan subperenggan 139(7)(a) dan (b) Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah Negeri-Negeri:

- (a) pengambilan deposit sejumlah wang yang pada pendapat Pendaftar dapat menampung kos penyediaan bilangan salinan yang mencukupi bagi rekod rayuan untuk kegunaan Mahkamah yang mendengar rayuan dan pihak-pihak dalam rayuan itu; dan

(b) menyerah simpan di Mahkamah yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat sejumlah wang sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah sebagai jaminan untuk kos rayuan.

3. Pengambilan awal wang deposit rayuan dan serah simpan jaminan boleh dilaksanakan semasa pemfailan notis rayuan dengan perintah Mahkamah.

4. Kadar wang deposit rayuan dan serah simpan jaminan ini ditetapkan berdasarkan kepada kategori Mahkamah seperti berikut¹:


| BUTIRAN | MAHKAMAH RENDAH SYARIAH– MAHKAMAH TINGGI SYARIAH | | MAHKAMAH TINGGI SYARIAH– MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH | | MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH– MAHKAMAH UTAMA SYARIAH | |
|----------------------|---|------------------------------|---|------------------------------|--|------------------------------|
| | Diwakili Peguam Syarie | Tidak Diwakili Peguam Syarie | Diwakili Peguam Syarie | Tidak Diwakili Peguam Syarie | Diwakili Peguam Syarie | Tidak Diwakili Peguam Syarie |
| Wang Deposit rayuan | | RM500.00 | | RM1000.00 | | RM1500.00 |
| Serah simpan jaminan | | RM500.00 | | RM1000.00 | | RM1500.00 |

5. Wang deposit rayuan dan serah simpan jaminan dimasukkan ke dalam akaun deposit dengan butiran yang berbeza. Penjurnalan wang deposit rayuan daripada akaun deposit ke akaun hasil adalah di bawah kuasa Pendaftar, manakala bagi kuasa rampasan jaminan adalah melalui perintah Mahkamah.

¹ Berikut adalah kadar cadangan sahaja. Kadar sebenar wang deposit rayuan dan kadar serah simpan jaminan di negeri-negeri ditentukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/ Mahkamah Syariah Negeri tersebut.

6. Pengambilan wang deposit rayuan dan serah simpan jaminan dikecualikan ke atas Jabatan Bantuan Guaman yang mewakili seseorang yang telah diberi suatu perakuan sebagai seorang yang dibantu di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*].

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

PENGENDALIAN WANG DEPOSIT/ KES RAYUAN MAL**SKOP**

Prosedur ini diguna pakai oleh Mahkamah Syariah Negeri-Negeri dalam penyenggaraan dan pengembalian balik wang deposit bagi kes rayuan *mal*.

SINGKATAN

| BIL | SINGKATAN | PENGERTIAN |
|------------|------------------|------------------------------|
| 1. | KP | Ketua Pendaftar |
| 2. | p | Pendaftar |
| 3. | H | Hakim Mahkamah Syariah |
| 4. | PA | Penolong Akauntan |
| 5. | Pen. P | Penolong Pendaftar |
| 6. | PS | Pembantu Syariah |
| 7. | PT. (P/O) | Pembantu Tadbir Operasi |
| 8. | PT. (Kew) | Pembantu Tadbir Kewangan |
| 9. | WD | Wang Deposit |
| 10. | BN | Bendahari Negeri |
| 11. | BTWD | Borang Tuntutan Wang Deposit |
| 12. | BB | Baucer Bayaran |
| 13. | BJ | Baucer Jurnal |

| BIL | SINGKATAN | PENGERTIAN |
|------------|------------------|-------------------------------|
| 14. | iSPEKS | Sistem Perakaunan Berkomputer |
| 15. | WH | Wang Hasil |

PROSES KERJA**AKTIVITI 1: PENERIMAAN WANG DEPOSIT DAN SERAH SIMPAN
JAMINAN**

| BIL | PYB | TINDAKAN |
|-----|------------------|--|
| | | <ol style="list-style-type: none"> 1. Terima pemfailan notis rayuan. 2. Tentukan jumlah yang perlu dibayar oleh perayu/ pendeposit setelah Borang MS 30 dikeluarkan/ setelah Perintah Hakim dikeluarkan |
| 1. | PS | <ol style="list-style-type: none"> a) RM1500.00 bagi deposit rayuan dan RM1500 bagi Serah Simpan Jaminan bagi kes rayuan MRyS ke Mahkamah Utama Syariah; b) RM1000.00 bagi deposit rayuan dan RM1000 bagi Serah Simpan Jaminan bagi kes rayuan MTS ke MRyS; c) RM500.00 bagi deposit rayuan dan RM500 bagi Serah Simpan Jaminan bagi kes rayuan MRS ke MTS. |
| 2. | PT (Kew)/ PT(PO) | Terima WD secukupnya mengikut peraturan yang telah ditetapkan. |
| 3. | PT (Kew)/ PT(PO) | Jana Resit Berkomputer/ Tulis resit kew. 38 mengikut jumlah WD yang diterima. |
| 3. | PT (Kew)/ PT(PO) | Serahkan Resit Berkomputer/ resit kew. 38 kepada perayu/pendeposit. |
| 4. | PT (Kew)/ PT(PO) | Catatkan maklumat perayu/ pendeposit ke dalam Buku Lejar (lampiran 3) dan Buku Tunai/Amanah (lampiran 4). |
| 5. | PT (Kew)/ PT(PO) | Masukkan wang ke dalam bank. |
| 6. | PT (Kew)/ PT(PO) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Terima dan semak flimsi amanah daripada BN melalui iSPEKS 2. Cetak laporan amanah daripada iSPEKS. |

| BIL | PYB | TINDAKAN |
|-----|-------------------|---|
| 7. | PT (Kew)/ PT(PO) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Jika ada perbezaan sediakan pengesahan baki akuan amanah (lampiran 8), dan penyata penyesuaian dan sediakan surat iringan untuk dihantar kepada BN, tidak lewat dari 14 hari selepas terima penyata flimsi amanah itu. 2. Jika tiada perbezaan maklumkan kepada BN melalui format pengesahan baki akaun amanah yang telah ditentukan oleh BN, tidak lewat dari 14 hari dari tarikh penyata flimsi amanah itu. |
| 9. | PT (Kew)/ PT (PO) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Failkan resit dan penyata pemungut. 2. Simpan fail. |

AKTIVITI 2: BAYARAN BALIK WANG DEPOSIT

| BIL | PYB | TINDAKAN |
|-----|-------------------|--|
| 1. | P/ Pen.P | <ol style="list-style-type: none"> 1. Semak kos yang telah digunakan untuk penyediaan rekod dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan kes rayuan tersebut. 2. Buat kiraan terhadap kos yang telah digunakan serta kos yang perlu dipulangkan kepada perayu/ pendeposit. (Rujuk kepada Jadual Kos Penyediaan. |
| | | <ol style="list-style-type: none"> 3. Serahkan laporan pengembalian kos jumlah sebenar kepada KP untuk disahkan. (dalam bentuk Borang Pengembalian Kos Sebenar) |
| 2. | Pendaftar | Pendaftar mengarahkan lebih deposit dikembalikan kepada perayu/ pendeposit. |
| 3. | PT (Kew) / PT(PO) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Menerima permohonan tuntutan balik WD daripada perayu/ pendeposit. 2. WD boleh dituntut kembali dengan mendapatkan dokumen-dokumen seperti berikut daripada perayu/ pendeposit:- <ol style="list-style-type: none"> a) Resit Berkomputer (asal)/ Resit Kew. 38 b) Salinan Kad Pengenalan c) Borang Tuntutan Wang Deposit d) Perintah berkaitan dengan pembayaran balik e) Salinan akaun bank |
| 4. | KP/P/ Pen.P | <p>Pastikan kes rayuan tersebut telah selesai.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kes selesai dengan penghakiman. (deposit dikembalikan setelah tolak kos penyediaan dokumen); 2. Kes selesai perayu/ pendeposit tarik balik rayuan (deposit dikembalikan setelah tolak kos penyediaan dokumen); |





| BIL | PYB | TINDAKAN |
|-----|-------------------|---|
| | | 3. Kes selesai dibatalkan/ dibuang oleh Hakim. (deposit dikembalikan setelah tolak kos penyediaan dokumen). |
| 5. | PT (Kew) / PT(PO) | <p>Sediakan BB (kew. 304) dalam iSPEKS dan lampirkan bersama –</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Salinan Perintah Pembayaran balik WD yang diputuskan oleh Hakim Rayuan 2. Resit Berkomputer (asal)/ Resit Kew 38 3. Salinan Kad Pengenalan 4. Salinan Buku Akaun Bank 5. Borang pengembalian kos jumlah sebenar yang telah disahkan oleh KP |
| 7. | P / H / Pen. P | Semak dan lulus BB dalam iSPEKS. |
| 8. | PT (Kew) | Rekodkan dalam Buku Daftar Baucer. |
| 9. | PT (Kew) | Failkan 1 salinan BB berserta dokumen lain ke dalam Fail Baucer Bayaran. |
| 10. | PT (Kew) | Semak status bayaran dalam iSPEKS. |
| 11. | PT (Kew) | Kemas kini Buku Lejar. |

**AKTIVITI 3: PENJURNALAN WANG DEPOSIT/ WANG DEPOSIT
DIJADIKAN HASIL**





| BIL | PYB | TINDAKAN |
|-----|----------|--|
| 1. | PT (Kew) | Dapatkan/ terima dokumen seperti yang berikut: 1. Resit Berkomputer (asal)/ Resit Kew. 38 2. Surat Akuan Persetujuan Perayu/ Pendeposit 3. Salinan Kad Pengenalan |
| 2. | PT (Kew) | Sediakan 4 salinan BJ (lampiran 2) dan ditandatangani oleh ; 1. Penyedia BJ (AP 95) 2. P/ H/ Pen. P (AP 99) 3. H (AP 102) |
| 4. | PT (Kew) | Serahkan BJ ke BN bersama – 1. Resit Berkomputer (asal)/ Resit kew. 38 2. Surat Akuan Persetujuan Perayu/ Pendeposit 3. Salinan Kad Pengenalan |
| 5. | PT (Kew) | Failkan 1 salinan BJ dalam Fail Jurnal serta rekod maklumat jurnal dalam Buku Daftar Jurnal |
| 6. | PT (Kew) | Terima satu salinan BJ yang diluluskan oleh BN. Failkan dalam fail Jurnal. |
| 7. | PT (Kew) | Kemas kini Buku Lejar |

CARTA ALIR

AKTIVITI 1: PENERIMAAN DEPOSIT/ SERAH SIMPAN JAMINAN

| PYB | CARTA PROSES | DOKUMEN/ CATATAN |
|----------------------|--|---|
| Perayu |  <p>Fail notis rayuan</p> | Perayu fail NR |
| Hakim/ Pendaftar |  <p>Perayu bayar deposit/ jaminan</p> <p>Hakim perintahkan pembayaran deposit</p> | Sama ada Hakim ada perintahkan kepada perayu/pendeposit untuk membuat pembayaran wang deposit awal/ jaminan. |
| Perayu/ Pendaftar | <p>Jana Resit</p> <p>Mahkamah sediakan nota keterangan dan alasan penghakiman</p> | Mahkamah sediakan nota keterangan dan alasan penghakiman |
| Pendaftar |  <p>Mahkamah keluarkan Borang MS 30</p> | Mahkamah keluarkan Borang MS 30 |
| Perayu/ Pendaftar | <p>Pembayaran deposit/ jaminan oleh perayu (bagi yang berkenaan)</p> <p>Jana resit (bagi yang berkenaan)</p>  | Pembayaran wang deposit oleh perayu/pendeposit tertakluk kepada ketidacukupan wang deposit awal atau ketiadaan wang deposit awal oleh perayu/pendeposit |
| Pendaftar | <p>Pengurusan dokumen rayuan seperti alasan rayuan dan rekod rayuan</p> | Pengurusan rayuan di hadapan Pendaftar |

AKTIVITI 2: BAYARAN BALIK WANG DEPOSIT / WANG JAMINAN

| PYB | CARTA PROSES | DOKUMEN/ CETAKAN |
|---------------------|--|---|
| Pendaftar/ Hakim |  | Perintah/ penghakiman |
| |  | |
| Pendaftar |  | Jumlah wang deposit/ rampasan dinyatakan oleh Hakim? |
| PT (Kew) |  | i. Cetakan komputer/ resit kewangan 38 ii. Salinan kad pengenalan iii. BTWD iv. Bayaran balik v. Salinan akaun bank Wang deposit dikembalikan setelah penolakan kos atau wang jamin dirampas |

